

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1995/96

Mac/April 1996

HST 322 Sejarah Kepulauan Asia Tenggara

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN (8) SOALAN DI
DALAM DUA (2) HALAMAN.

Kertas peperiksaan ini terbahagi kepada Bahagian A dan Bahagian B.

Anda MESTI menjawab KEDUA-DUA SOALAN dalam Bahagian A dan jawab
DUA (2) soalan sahaja dalam Bahagian B.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A

1. "Zaman Sistem Tanaman Paksa [1830-1870], berbeza dengan pandangan umum, bukanlah tempoh kesusahan dan kemiskinan bagi orang Jawa, tetapi merupakan tempoh pertumbuhan dan perubahan ekonomi dan sosial yang cepat". Setujukah anda?
2. "Sebenarnya pergerakan Katipunan muncul dari pergerakan politik rakyat radikal dan bukannya satu kesinambungan dari pergerakan politik golongan Ilustrados". Dengan merujuk kepada hubungan antara pergerakan politik golongan Ilustrados dan pergerakan golongan rakyat, terangkan sejauh manakah ianya mencetuskan revolusi dan membawa kepada penubuhan kerajaan Filipina.

.../2

BAHAGIAN B - [Jawab DUA (2) soalan sahaja]

3. Terangkan bagaimana perkembangan perdagangan memudahkan pengembangan agama Islam di kepulauan Indonesia zaman 1300-1700.
4. Bincangkan perubahan ekonomi dan sosial yang paling menonjol di Asia Tenggara di dalam 'zaman perdagangan' [1450-1820] menurut pandangan Anthony Reid.
5. Bagaimanakah pengembangan agama Kristian mengukuhkan kuasa politik Sepanyol di Filipina dari abad ke-16 sehingga abad ke-18?
6. Bincangkan bagaimanakah tanaman komersil menyebabkan perubahan ekonomi dan sosial di Filipina abad ke-19 dan abad ke-20 awal.
7. "Pemberontakan petani di Jawa dari 1880 sehingga 1912 ialah satu reaksi kepada masalah ekonomi yang meruncing dan bertujuan untuk kembali semula kepada zaman keamanan dan kemajuan". Dengan merujuk kepada Pemberontakan Gedangan dan pergerakan Samin, setujukah anda dengan kenyataan ini?
8. "Ketika Jepun menyerah kalah, sebenarnya telah berlaku banyak perubahan yang akhirnya membawa kepada teretusnya revolusi di Indonesia". Jelaskan kenyataan ini dengan merujuk kepada kemunculan politik radikal di kalangan golongan pemuda antara 1942 dan 1945.

--ooo000ooo--